

24 MAY 1997

Negeri-Tanah

KERAJAAN NEGERI AKAN PASTI TIADA AGENSINYA SALAH GUNA KUASA

KUALA KANGSAR, 24 Mei (Bernama) -- Kerajaan negeri Perak akan memastikan tiada agensi di bawah bidang kuasanya menyalahgunakan pindaan Akta Pengambilan Tanah yang ada sekarang bagi tujuan mengambil tanah rakyat untuk membuat keuntungan segera.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata, beliau memandang berat kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed semalam di London.

Dr Mahathir semalam menyatakan rasa tidak puashatinya dengan sikap sesetengah kerajaan negeri yang mengambil tindakan membelakangi Kerajaan Pusat terutama dalam isu pengambilan tanah rakyat untuk pembangunan.

Perdana Menteri berkata apabila kerajaan Pusat memudahkan proses pengambilan tanah rakyat untuk projek pembangunan, ada kerajaan negeri yang menggunakan kelonggaran itu untuk mengambil tanah rakyat dan kemudian menjualnya kepada syarikat swasta bagi mendapatkan keuntungan segera.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri dan Pingat-Pingat serta Istiadat Menutup Kerja sempena sambutan Hari Keputeraan ke 69 Sultan Perak Sultan Azlan Shah di sini, hari ini.

Ramli yang tidak menolak kemungkinan terdapat agensi kerajaan negeri yang telah melakukan tindakan sedemikian, berkata, pihaknya akan berusaha untuk memperbetulkannya.

Sementara itu di KOTA BAHARU, Kerajaan negeri Kelantan pimpinan Pas hari ini kesal dengan sikap pemilik tanah di negeri itu yang enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi melaksanakan projek pembangunan rakyat.

Menteri Besarnya Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam, terdapat pemilik tanah yang mengambil kesempatan menjual tanah milik mereka dengan harga tinggi hingga menyukarkan kerajaan negeri untuk melaksanakan kemajuan.

"Saya tak puas hati dengan tuan-tuan tanah di Kelantan kerana bila ada projek besar yang hendak kita buat, mereka tak mahu jual tanah dan ada yang letak harga semakin tinggi.. seolah-olah tiada sokongan moral daripada tuan tanah," katanya di sini, hari ini.

Di KANGAR, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata kerajaan Perlis tidak terbabit dalam penyalahgunaan tanah untuk kepentingan sendiri.

Katanya, kerajaan negeri sentiasa memastikan setiap pengambilan tanah tidak diselewengkan untuk kepentingan tertentu.

"Jika kami mengambil tanah untuk projek pembinaan kemudahan awam maka kami akan memastikan kemudahan itu terbina di situ," katanya.

Menurut Shahidan apa yang berlaku di Perlis pada masa ini ialah pencerobohan rakyat terhadap tanah-tanah kerajaan seperti hutan simpanan kekal dan kawasan tadahan.

Sebelum itu, ketika melancarkan Pesta Perlis 1997 di sini, Menteri Besar berharap penduduk dapat memanfaatkan aset pelancongan bagi meningkatkan ekonomi mereka.

Katanya, antara yang boleh mereka ceburi ialah sebagai operator pelancongan kerana sehingga ini belum ada yang menceburinya.

Shahidan berkata, Perlis kini menawarkan pelbagai produk pelancongan semula jadi termasuk "winter wind" atau musim timur yang menjanjikan suasana dingin seperti berada di tanah tinggi kepada para pelancong.

Pesta Perlis selama tiga minggu itu menggabungkan beberapa kegiatan

utama termasuk Ekspo Perdagangan dan Perindustrian, Pesta Flora, Pesta Burung, Pesta Kraftangan, Pesta Makanan dan Pesta Air.

-- BERNAMA

HK AD AHH